

Berikutan kerajaan PKR gagal tunai janji PRU-12 termasuk rumah mampu milik

65% rakyat Selangor kecewa

Oleh **FAIZAH IZZANI ZAKARIA**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 25 Feb. - Sebanyak 65 peratus rakyat Selangor tidak berpuas hati dengan pentadbiran kerajaan Parti Keadilan Rakyat (PKR) negeri yang gagal menunaikan janji-janji dalam Pilihan Raya Umum Ke-12 termasuk dalam isu rumah mampu milik.

Pensyarah Fakulti Pengajian Media dan Komunikasi Massa, Universiti Teknologi Mara (UiTM), **Prof. Madya Dr. Ismail Sualman** berkata, kaji selidik pihaknya turut mendapati ramai rakyat Selangor merasakan kerajaan pakatan pembangkang tidak membawa sebarang perubahan sepanjang lima tahun pentadbir negeri itu.

Menurut beliau, kajian bertajuk *Kesan Sosioekonomi dan Politik Rakyat Selangor di Bawah Pakatan Rakyat*



KERATAN Utusan Malaysia semalam.

yang dijalankan antara 2011 hingga 2012 itu turut menunjukkan rakyat masih menantikan elau kepada ibu tunggal, kanak-kanak tadika dan penuntut universiti serta air percuma seperti dijanjikan dalam manifesto pembangkang.

"Responden juga melihat apa yang dilakukan kerajaan pakatan pembangkang

hanyalah menambah atau melaksanakan apa yang dilakukan kerajaan Barisan Nasional (BN) sebelum pilihan raya umum terdahulu," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kegagalan kerajaan PKR Selangor membina rumah mampu milik dan kos rendah bagi rakyat berpendapatan rendah

dan sederhana di negeri itu sepanjang lima tahun lalu seperti dilaporkan *Utusan Malaysia* hari ini.

Keadaan itu menyebabkan hasrat rakyat golongan berpendapatan rendah memiliki kediaman sendiri tidak kesampaian kerana kerajaan negeri yang diterajui pakatan pembangkang masih gagal membina perumahan kos rendah berharga RM42,000.

Ismail berkata, sikap kerajaan negeri yang lebih mengutamakan pembinaan rumah mewah akan menjadikan Selangor seperti Pulau Pinang yang menyebabkan ramai orang Melayu terpaksa berhijrah untuk membeli rumah lebih murah di luar bandar.

"Ini adalah usaha terancang kerajaan pakatan pembangkang di Selangor iaitu menggunakan pendekatan 'berhemah' menolak dominasi kaum seperti orang Melayu di kawasan bandar," katanya.

Sementara itu, pensyarah di Jabatan Pengajian, Kenegaraan dan Ketamadunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Jayum Jawan** berkata, isu rumah mampu milik adalah paling asas kerana melibatkan kebajikan rakyat yang seharusnya diberi tumpuan.

Katanya, Selangor mempunyai penduduk yang ramai dan kebanyakan mereka merupakan golongan berpendapatan rendah serta sederhana yang berharap memiliki rumah sendiri.

"Sebahagian besar manifesto yang dibuat dalam pilihan raya umum sebelum ini boleh dilaksanakan dengan mudah oleh kerajaan negeri tetapi mereka gagal.

"Sudah pasti kegagalan seperti ini akan meningkatkan penolakan rakyat terhadap kerajaan yang memerintah," katanya.